

11 OCT 2002

Mahathir-Sabah

PEMBANGUNAN SABAH AKAN DIPERCEPATKAN, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Azman Ujang

PUTRAJAYA, 11 Okt (Bernama) -- Kerajaan Persekutuan akan mempercepatkan proses pembangunan ekonomi di Sabah dengan wujudnya kestabilan politik setelah Parti Bersatu Sabah (PBS) kembali semula ke pangkuan Barisan Nasional tahun ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Kemasukan semula PBS dalam BN adalah satu kebaikan kerana parti itu sedar tentang pentingnya semua parti bersatu layanan yang saksama dapat diberikan kepada rakyat Sabah, kata Perdana Menteri dalam satu temubual di pejabatnya di sini menjelang pilihan raya kecil kawasan Parlimen Gaya di Sabah esok.

"Memang kita memberi tumpuan kepada Sabah yang ketika berada dalam pemerintahan parti lawan (PBS) dahulu tidak mendapat layanan atau peruntukan yang mencukupi untuk pembangunan. Kita perlu percepatkan proses pembangunan di Sabah.

"PBS pun sedar bahawa tiada sesuatu pun yang boleh dibuat kalau jadi parti pembangkang," kata Dr Mahathir mengenai parti yang pernah memerintah Sabah selama sembilan tahun. Ia meninggalkan BN pada 1990 tetapi diterima semula ke dalam kerajaan pada Januari lepas.

Dr Mahathir berkata sokongan rakyat Sabah kepada BN amat kuat sekarang berbanding sebelum ini sehingga PBS kini menyebelahi BN.

"Rata-rata saya pergi di Sabah, rakyat begitu mesra, tidak seperti dahulu mereka nampak tidak begitu senang dengan BN. Sekarang jelas nampak rakyat Sabah memberi sokongan padu kepada BN," katanya.

Mengenai pilihan raya kecil itu, Perdana Menteri mengingatkan para pengundi di kawasan Gaya bahawa parti-parti pembangkang yang bertanding dalam pilihan raya itu tidak mampu berbuat apa pun untuk kebaikan mereka.

"Pertama ini adalah satu pilihan raya kecil, dia bukan untuk menentukan siapa jadi kerajaan. Ini bermakna kalau ada janji yang dibuat oleh parti lawan, dia tak boleh nak buat apa pun. Janji dia janji kosong, kerana dia tidak akan mampu, yang mampu ialah kerajaan.

"Kerajaan yang akan menentukan sama ada sesuatu itu dibuat atau tidak. Jadi saya harap pengundi di Gaya ini tidak tertipu dengan janji-janji yang dibuat oleh parti lawan. Kalau mereka tersalah atau tersilap pilih mereka akhirnya akan jadi mangsa," katanya.

Pilihan raya kecil itu membabitkan Liew Teck Chan, 54, dari BN, Hiew King Cheu, 50, dari DAP dan Christina Liew, 50, dari Parti Keadilan Nasional.

Dr Mahathir mahu seberapa ramai yang boleh daripada 49,427 pengundi berdaftar di kawasan Gaya, keluar mengundi esok walaupun ia adalah satu pilihan raya kecil.

"Walaupun ini satu pilihan raya kecil, kita pentingkan sokongan kepada BN. Janganlah pula kerana BN akan menang, maka kita tidak ambil kira kelebihan undi bagi BN. Kelebihan undi adalah satu ukuran tentang sokongan rakyat kepada BN dan ini juga bermakna sokongan kepada kerajaan negeri dan kerajaan Pusat," katanya.

Dengan itu, kata Perdana Menteri, adalah mudah bagi kerajaan untuk memberi layanan kepada desakan atau rasa tidak puas hati yang terdapat di kalangan pengundi di Gaya.

"Inilah harapan saya. Saya harap para pengundi dan pekerja BN tidak meringankan tanggungjawab mereka sebagai bangsa yang bertanggungjawab dengan keluar beramai-ramai untuk mengundi BN untuk kebaikan bersama".

Perdana Menteri juga bercakap mengenai kejayaan integrasi nasional,

seperti yang terbukti dengan adanya beberapa orang rakyat Sabah dan Sarawak kini memegang antara jawatan tertinggi dalam perkhidmatan kerajaan.

Peguam Negara Datuk Abdul Gani Patail adalah dari Sabah manakala Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Mohd Taha Ariff dan Timbalan Ketua Polis Negara, Tan Sri Jamil Johari, kedua-duanya dari Sarawak.

Dr Mahathir berkata kerajaan tidak mengambil kira dari mana seseorang itu berasal kerana yang diambil kira adalah kebolehan mereka.

"Apabila rakyat Sarawak dan Sabah mempunyai kebolehan, maka kita memberi layanan sepatutnya kepada mereka dengan jawatan yang sepatutnya dipegang oleh mereka," katanya.

-- BERNAMA

AU MAI